

## **Metafora haiwan: kajian perbandingan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia**

### **ABSTRAK**

Artikel ini membahaskan penggunaan metafora haiwan dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, dan bertujuan untuk menghasilkan kaedah-kaedah kebahasaan secara linguistik dalam metafora haiwan, iaitu dari segi semantik, bentuk dan jenis pembentukan, dan konsepnya. Metafora bahasa Melayu diperoleh daripada kamus umum, kamus peribahasa dan kamus simpulan bahasa Malaysia dan Indonesia. Kajian deskriptif ini menggunakan teori metafora konsepsi daripada Lakoff dan Johnson (2008) yang berpendapat bahawa metafora bukan hanya membentuk komunikasi manusia melainkan juga membentuk pemikiran dan perilaku manusia. Daripada kajian ini, didapati masyarakat Melayu Malaysia dan Indonesia meneroka metafora haiwan dengan makna yang sama kerana mereka mempunyai konsep pemikiran yang mirip berdasarkan latar belakang budaya yang berkaitan.

**Kata kunci:** Semantik; Metafora haiwan; Konsepsi metafora haiwan